

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED**  
**ABDUL FASAL**  
**KAWASAN : BUKIT GANTANG**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan terkini, tempoh kebolehsiapan dan tarikh boleh guna pakai:

- (a) Lebuhraya Pantai Barat (Banting Ke Changkat Jering, Taiping); dan
- (b) projek naik taraf laluan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) ini merentasi dua (2) buah negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak sejauh 315.5 kilometer dibina di sepanjang persisiran Pantai Barat untuk kemudahan penduduk setempat dan juga pengguna lebuhraya ke utara. Kerja-kerja pembinaan keseluruhan projek lebuhraya WCE ini telah dibahagikan kepada 2 kaedah, iaitu seperti berikut:-

1) Kaedah penswastaaan bertol : Kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh pihak konsesi West Coast Expressway Sdn. Bhd., iaitu jajaran baharu sepanjang 233 kilometer, bermula dari Jalan B18 Banting – KLIA, dan berakhir di Persimpangan Bertingkat Tanjong Karang, Selangor. Manakala, di negeri Perak pula, ia bermula dari Jambatan Sungai Bernam di Hutan Melintang dan berakhir berhampiran Plaza Tol Changkat Jering, Lebuhraya Utara - Selatan (PLUS).

2) Kaedah konvensional JKR : iaitu melibatkan skop menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 atau FR5 yang sedia ada sepanjang 82.5 kilometer, bermula dari Tanjong Karang, Selangor ke Hutan Melintang, Perak (50 kilometer) dan dari Teluk Intan, ke Kampung Lekir, Perak (32.5 kilometer).

Tuan Yang Di-Pertua,

Status kemajuan terkini penyiapan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) di bawah skop penswastaaan sehingga 15 September 2019 adalah 66.0%. Bagi kemajuan secara terperinci mengikut negeri pula adalah 82.0% bagi Negeri Perak manakala 55.7% bagi Negeri Selangor.

Aktiviti pembinaan lebuhraya kini sedang giat dilaksanakan yang melibatkan seperti kerja-kerja pembersihan tanah, penambahan tanah,

pembinaan struktur jambatan, penurapan jalan dan pemasangan perabot jalan.

Jajaran lebuh raya ini telah mula dibuka secara berperingkat mengikut penyiapan bermula tahun 2019 iaitu pembukaan pertama pada 31 Mei 2019 dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan dan pembukaan kedua pada 23 September 2019 melibatkan jajaran dari Persimpangan Kg. Lekir ke Persimpangan Beruas.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 pakej Projek Naiktaraf Laluan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering yang dalam peringkat pelaksanaan. Bagi Pakej 1 iaitu dari Batu Tiga ke Segari, kemajuan terkini projek adalah sebanyak 67.0% dan dijangka siap pada 10 Februari 2020. Manakala bagi Pakej 2 pula dari Segari ke Tebok Yan pula, kemajuan terkini adalah sebanyak 69.0% dan dijangka siap pada 28 Februari 2020. Tarikh boleh guna laluan ini adalah bergantung kepada tarikh penyiapan sebenar projek ini sebelum ianya dibuka pada orang ramai.

Sekian, terima kasih.